

# UMS harap Kerusi Pengajian Warisan Borneo diwujudkan

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 12-10-2011 A2

KOTAKINABALU: Penubuhan Kerusi Pengajian Warisan Borneo di Universiti Malaysia Sabah (UMS) boleh merencangkan lagi usaha-usaha penyelidikan berkaitan seni dan tradisi di kepulauan ini.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Harun Abdullah berkata penubuhan kerusi itu juga boleh dijadikan platform untuk mewujudkan pusat penyelidikan khusus bagi seni dan tradisi Borneo.

“Bagaimanapun perkara ini masih di peringkat cadangan dan kami akan mengkaji keperluan perkara ini dengan melihat kepada semua sudut.

“Jika masanya sesuai dan keperluannya diperhalusi, cadangan ini mungkin akan diteruskan,” katanya kepada media selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Warisan Seni Nusantara di sini, malam



**SUMAYAU...Persembahan Tarian Sumayau yang memukau peserta dari luar negara pada malam itu.**

Sabtu.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata definisi seni amat luas dan tidak dilihat dari aspek

hiburan semata-mata.

“Seni itu adalah kehidupan. Apa sahaja yang dibuat sebenarnya mempunyai ciri-ciri keseniannya


yang tersendiri,” katanya.

Mengenai seminar itu, Harun berkata program terbabit berupaya memantapkan jalinan kerjasama persefahaman antara negara-negara Nusantara.

“Penyertaan golongan intelektual dan penyelidik mampu memberi sumbangan ke arah melahirkan masyarakat berbudaya tinggi dan celik budaya, selaras perkembangan teknologi,” katanya.

Tambahnya, paling penting adalah usaha mendokumentasikan hasil daripada seminar itu agar dapat disebarkan kepada khalayak yang lebih luas mengenai warisan seni yang terdapat di kepulauan Nusantara.

Sementara itu, Dekan Sekolah Pengajian Seni (SPS), Prof Madya Dr Ismail Ibrahim berkata SPS



ISMAIL



HARUN

sentiasa memberi perhatian serius kepada pembangunan warisan dan seni tradisi terutamanya di Sabah.

“Kesepakatan lebih 31 etnik di negeri ini bukan sahaja menjadi kekuatan tetapi juga daya tarikan kepada Sabah yang turut menjadi contoh sebenar Malaysia,” katanya yang juga pengerusi pelaksana seminar terbabit.

Selain Malaysia, seminar kali pertama ini turut melibatkan Brunei, Thailand dan Indonesia manakala seminar yang sama dijangka diadakan di Semarang, Indonesia pada Disember tahun hadapan.